

# \$4,400j mungkin dipotong

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Kerajaan menimbang untuk memotong 30 peratus atau kira-kira \$4,400 juta dari \$14,632 juta peruntukan pembangunan tahun ini.

Bagaimanapun, sumber-sumber rasmi memberitahu, pemotongan belanjawan 30 peratus ini mungkin dikurangkan jika sumber kewangan diperolehi sama ada dari simpanan kerajaan, simpanan wang perbelanjaan, menarik balik geran dari perbadanan awam atau mendapat pinjaman.

Pemangku Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam telah mengadakan perbincangan selama tiga jam dengan pegawai-pegawai kanan Unit Perancang Ekonomi (EPU) mengenai pemotongan perbelanjaan pembangunan secara menyeluruh hari ini.

Sumber-sumber itu menyebut Datuk Musa mengemukakan pemotongan tersebut jangan melibatkan pembinaan rumah kos rendah atau projek bekalan air.

"Bagaimanapun, Datuk Musa tidak membuat kata putus mengenai pemotongan tersebut hari ini kerana hendak membincangkan perkara tersebut dengan Datuk

Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Keputusan tersebut perlu dibuat dengan segera memandangkan kebanyakan jabatan-jabatan kerajaan mahu melaksanakan beberapa projek dan perlu mengetahui sama ada boleh dilaksanakan atau tidak," tambah sumber itu.

Sumber-sumber rasmi itu memberitahu, cadangan pemotongan tersebut dikemukakan oleh Jawatankuasa Perancang Pembangunan diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Hashim Aman.

## Kepentingan

Perbendaharan juga kini giat mencari jalan mengurangkan perbelanjaan pentadbiran bagi membolehkan wang berkenaan disalurkan kepada projek pembangunan.

Sumber-sumber itu menyebut Datuk Musa memusatkan perhatian terhadap sektor awam dan mahu diteruskan bagi memperbaiki ekonomi negara.

"Sumber kewangan sektor awam mesti disalurkan ke dalam ekonomi negara bagi mengembangkannya ekonomi.

"Kerajaan berhati-hati supaya pemotongan belanjawan itu tidak

menjejas perkembangan ekonomi," kata sumber rasmi tertinggi tersebut.

Di samping itu, katanya, Kerajaan juga tidak lupa menimbang kepentingan politik dalam mengusahakan perkembangan ekonomi.

Tiada butir-butir lanjut diberikan mengenai perkara ini.

Kerajaan juga mahu projek yang boleh memberi peluang pekerjaan diteruskan.

Pembinaan rumah kos rendah adalah penting memandangkan industri itu melibatkan industri lain seperti simen, besi, genting, kayu dan sebagainya.

Datuk Musa, menurut sumber-sumber itu juga menekankan betapa pentingnya projek bekalan air dan sebarang langkah menainggukannya akan memberi kesan yang genting kepada negara.

Sumber itu menyebut, beberapa bidang telah mencapai tahap genting. Sebarang projek dimansuhkan akan hanya memburukkan keadaan.

Mengenai belanjawan pertahanan, kata sumber itu, Angkatan Bersenjata dapat memahami beberapa pendapat yang dinyatakan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa.